

Tajuk : Curtin-UNIMAS Meterai Kerjasama Bidang Penyelidikan, Akademik.

Curtin-UNIMAS meterai kerjasama bidang penyelidikan, akademik

MIRI: Universiti Curtin Malaysia Sarawak (Curtin Sarawak) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) semalam menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi membangun dan mengembangkan kerjasama dalam bidang penyelidikan dan akademik.

Dokumen MoU itu ditandatangani oleh Pro Naib Canselor Curtin Sarawak, Profesor Jim Mienczakowski dan Timbalan Pro Naib Canselor Profesor Ir. Yudi Samyudia bagi pihak Curtin Sarawak manakala UNIMAS diwakili oleh Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Dekan Fakulti Kejuruteraan, Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Majlis menandatangani MoU diadakan di Dewan Rekreasi Curtin Sarawak itu disaksikan oleh Pengerusi Majlis Kampus Curtin Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri George Chan Hong Nam dan Pegawai Kewangan Persekutuan dan Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Jabidah Monseri.

Di bawah MoU ini, kedua-dua universiti bekerjasama dalam

mengendalikan hal ehwal berkaitan akademik, penyelidikan, fasilitasi dan penyediaan pascasiswazah, pertukaran kakitangan akademik, aktiviti pembelajaran, penyertaan dalam seminar dan mesyuarat akademik.

Selain itu pertukaran penerbitan, bahan akademik dan maklumat lain, perundingan dan jaminan kualiti akademik, pembangunan program akademik, pertukaran pelajar, penerbitan bersama, persidangan, simposium dan kerjasama yang berkaitan.

Berucap pada majlis tersebut, Dr Chan menyifatkan MoU itu satu mercu tanda bagi Curtin Sarawak dalam memperkasa bidang akademik dan penyelidikan.

“Misi utama Curtin Sarawak ialah melibatkan kerjasama dengan komuniti dan mengubah taraf kehidupan mereka melalui kepimpinan, inovasi dan kecemerlangan dalam pengajaran dan penyelidikan.

“Curtin Sarawak sentiasa mencari peluang bekerjasama dengan institusi pendidikan seperti UNIMAS selain sektor industri,

perniagaan dan kerajaan. Saya begitu positif bahawa MoU ini akan memberi impak besar untuk kedua-dua pihak dan Sarawak khususnya,” kata Dr Chan.

Dalam hal ini, Dr Chan berharap Curtin Sarawak dan UNIMAS dapat meneruskan kerjasama dalam pelbagai lapangan lain pada masa akan datang.

Terdahulu, Mohamad Kadim berkata MoU itu satu lagi pencapaian UNIMAS dalam usaha mewujudkan lebih banyak kerjasama dengan institusi pengajian di negara ini.

“MoU ini akan membantu kedua-dua pihak khususnya dalam bidang kejuruteraan sekaligus menyediakan penyelesaian mapan dalam bidang berkenaan,” katanya.

Beliau berharap MoU itu akan membuka lebih banyak kerjasama yang relevan dalam pelbagai lapangan kajian dan akademik pada masa akan datang.

Hadir sama Pengerusi Curtin Sarawak merangkap Menteri Muda Perhubungan, Datuk Lee Kim Shin dan Ketua Pegawai Operasi Curtin Sarawak, Nicholas Ching.



TERMETERAI: Mienczakowski dan Mohamad Kadim bertukar-tukar dokumen pada majlis menandatangani MoU di Curtin Sarawak sambil disaksikan Dr Chan, Jabidah (tengah), Lee, Wan Hashim (kanan) dan Dr Yudi (dua kanan) di Miri semalam.